

# Vaksinasi lengkap kurangkan kematian

Sehingga 88 peratus risiko kematian akibat Covid-19 dapat dikurangkan dengan usaha pemvaksinan

Oleh **TUAN BUQHAIRAH**  
**TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**V**aksinasi lengkap Covid-19 dipercayai mampu mengurangkan risiko kematian sehingga 88 peratus.

Pengarah Institut Penyelidikan Klinikal Kebangsaan (NIH) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Dr P Kalaiarasu berkata, ia berdasarkan kepada 1,261,270 jumlah populasi kajian.

"Keberkesanan bagi separa lengkap adalah 49 peratus," katanya dalam sesi libat urus bersama media pada Khamis.

Sesi tersebut dikendalikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan dan Sokongan Teknikal), Datuk Dr Hishamshah Mohd Ibrahim yang bertindak sebagai moderator.

Memperincikan kes kematian, beliau berkata, keberkesanan dos lengkap AstraZeneca



Vaksinasi lengkap Covid-19 didapati mampu mengurangkan risiko kematian sehingga 88 peratus. Gambar kecil: Dr Kalaiarasu.

adalah 92 hingga 98 peratus.

"Bagi Pfizer pula sekitar 92 hingga 94 peratus, manakala Sinovac adalah 83 hingga 85 peratus," katanya.

Menurutnya, statistik kematian Covid-19 dalam negara setakat 21 September menunjukkan kadar kematian adalah 1.15 peratus.

"Bagi setiap 10,000 individu yang dijangkiti, 115 orang mungkin berdepan kematian," katanya.

Jelasnya, sejumlah 84 peratus daripada 24,565 kes kematian melibatkan individu mempunyai sekurang-kurangnya satu komorbid (penghidap dua atau lebih penyakit).

"Tekanan darah tinggi adalah yang tertinggi dengan 73.2 peratus, diabetes melitus

(55.0 peratus), kolesterol tinggi (46.9 peratus), jantung (15.8 peratus), buah pinggang (15.8 peratus), obesiti (10.5 peratus), strok (7.9 peratus), paru-paru (5.6 peratus), hati (1.4 peratus) dan kanser (1.3 peratus)," katanya.

Ujarnya, kadar keseluruhan kematian adalah 0.010 peratus dalam kalangan penerima dos lengkap.

Beliau berkata, vaksinasi juga mampu mengurangkan kemasukan pesakit Covid-19 ke unit rawatan rapi.

Jelasnya, keberkesanan vaksin didapati mampu mengurangkan risiko jangkitan sehingga 88 peratus bagi individu yang lengkap dos suntikan, manakala 35 peratus bagi mereka yang separa lengkap dos suntikan.

Masyarakat turut digesa untuk segera mengambil suntikan vaksin bagi melindungi diri dan orang sekeliling.

MELENDEPANI KRISIS  
**COVID-19:**  
**APA TINDAKAN**  
**KITA?**